



HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/SL02

**SLIP PERSEDIAAN PESAKIT
PEMERIKSAAN TOMOGRAFI BERKOMPUTER (CT SCAN)**

TARIKH TEMUJANJI : _____
MASA TEMUJANJI : _____
KEADAAN PESAKIT : BERJALAN
 BERKERUSI RODA
 BERKATIL

Pemeriksaan Tomografi berkomputer (*CT Scan*) adalah satu pemeriksaan mengambil imej menggunakan mesin x-ray secara keratan rentas (*cross sectional*). Imej keratan rentas yang diambil akan diproses untuk memperlihatkan organ, tisu atau tulang dengan jelas menggunakan teknologi komputer yang tinggi.

PERSEDIAAN SEBELUM PEMERIKSAAN

Sila datang dengan pakaian yang ringkas seperti **blaus / kemeja berbutang & seluar sukan/longgar/sarung**. Ini memudahkan anda menukar pakaian sebelum pemeriksaan.

Anda dibenarkan untuk mengambil ubat-ubatan harian seperti biasa (jika ada).

PERHATIAN: SILA BERITAHU JURU X-RAY JIKA ANDA SEDANG MENGANDUNG ATAU DISYAKI MENGANDUNG.

PEMERIKSAAN TOMOGRAFI BERKOMPUTER BERKONTRAS

CT SCAN bahagian Thorax/Abdomen/Pelvis/*Multiphase/staging*

1. **Anda PERLU berpuasa 4-6 jam sebelum pemeriksaan ini.**
2. Perkara berikut telah diuruskan oleh klinik/Wad yang memohon
 - Renal Profile/Ujian makmal (sah 3 bulan)
 - Borang keizinan suntikan media kontras
3. Jika anda mempunyai sejarah alahan kepada makanan atau ubatan serta *asthma*, sila ikuti arahan pengambilan ubat berikut:
 - 12 Jam sebelum pemeriksaan - Prednisolone 40 mg - 8 tablet
 - 2 Jam sebelum pemeriksaan - Prednisolone 40 mg - 8 tablet
4. **Persediaan KHAS**
 - a. **CTA Kardiak (Coronary)**
 - Hari pemeriksaan pada hari Selasa, jadi bermula hari Ahad sebelum pemeriksaan anda harus:
 - Dibenarkan minum tetapi elakkan minuman yang mengandungi kafein termasuk soda, coklat, teh, milo, kopi dan minuman tenaga.
 - Jangan mengambil pil diet, makanan tambahan tenaga atau apa sahaja yang boleh meningkatkan kadar denyutan jantung anda.
 - b. **CT Kolonografi (Colonography)**
 - Diet sehari sebelum pemeriksaan anda adalah:
 - Sarapan dan makan tengah hari - roti, mi kosong, sup kosong.
 - **JANGAN** makan - sayur-sayuran, daging, buah-buahan, roti wholemeal, kekacang, biji-bijian, susu (atau apa sahaja yang diperbuat daripada susu).
 - **JANGAN** makan apa-apa selepas makan tengah hari sehingga selesai pemeriksaan CT scan.

**PEMERIKSAAN TOMOGRAFI BERKOMPUTER TIDAK BERKONTRAS
CT SCAN CTU/CT MSK**

1. Anda **TIDAK PERLU** berpuasa untuk pemeriksaan ini.

PADA HARI PEMERIKSAAN


1. Anda akan ditanya tentang persediaan anda untuk pemeriksaan merujuk kepada senarai semak yang diberikan semasa temujanji. Pemeriksaan anda berkemungkinan akan ditunda ke satu tarikh lain sekiranya arah persediaan tidak dipatuhi.

SEMASA PEMERIKSAAN

1. Anda akan diminta baring di atas meja pemeriksaan dan tubuh anda diposisikan mengikut jenis imbasan.
2. Meja pemeriksaan akan bergerak dan akan kedengaran alat berputar semasa pemeriksaan. Anda tidak perlu bimbang dan jangan bergerak.

SELEPAS PEMERIKSAAN

1. Anda mungkin akan berada di Jabatan Radiologi selama 30-60 minit di sepanjang proses pemeriksaan ini.
2. Jarum suntikan (sekiranya ada) akan dibuka dan anda dipastikan dalam keadaan stabil sebelum meninggalkan jabatan.
3. Sekiranya anda menghadapi sebarang komplikasi atau masalah kesihatan, sila maklumkan kepada juru X-ray atau doktor yang bertugas.
4. Anda boleh terus makan selepas pemeriksaan.



PERHATIAN :

Sila hubungi Kaunter Temujanji Jabatan Radiologi di talian **03-9769 9557/9535** sekiranya anda tidak dapat hadir pada tarikh yang telah ditetapkan/untuk sebarang pertanyaan berkenaan temujanji anda. Pihak kami berhak menunda, membatalkan atau menjadual semula temujanji sekiranya anda tiba lewat pada hari pemeriksaan.